

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

**2 ¼ JAM**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
CAWANGAN PULAU PINANG**

**MODUL BERFOKUS KBAT SPM 2020**

---

**BAHASA MELAYU****Kertas 1****2 jam 15 minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Modul ini mengandungi 3 halaman bercetak.


[Lihat halaman sebelah

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara menangani masalah demam denggi. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**Cara-cara Menangani Demam Denggi**

Menghapuskan tempat  
pembiakan nyamuk aedes

Denda yang lebih tinggi

Kawalan jangka panjang

**BAHAGIAN B**  
( 100 markah )

(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit )

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.*

1. Penggunaan Internet dan telefon pintar adalah antara kegiatan yang paling digemari oleh remaja pada masa ini.

Ulasakan kepentingan Internet dan aplikasi telefon pintar kepada anda.

2. Peranan membentuk keluarga bahagia tidak hanya terletak pada ibu bapa sahaja. Sebaliknya menjadi tanggungjawab semua ahli keluarga.

Tulis pendapat anda tentang peranan anak untuk membanggakan ibu bapa.

3. Penularan jenayah rasuah telah menimbulkan pelbagai implikasi sosial.

Tuliskan sebuah rencana tentang kesan-kesan jenayah rasuah dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

4. Program kebudayaan antara negara mendatangkan pelbagai faedah kepada negara dan rakyat yang menyertainya.

Bincangkan.

5. *Dengan apakah akan kaupenuhi  
piala remajamu  
adakah cuka kesangsian  
dari cinta murah  
atau madu ajaran  
dari ilmu susah?*

Petikan sajak di atas mengetengahkan persoalan tentang pengisian kehidupan remaja.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara memanfaatkan usia remaja.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

BAHASA MELAYU  
Kertas 2

2 ½ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH  
CAWANGAN PULAU PINANG

## MODUL BERFOKUS KBAT SPM 2020

---

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 jam 30 minit

---

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
  2. *Jawab semua soalan.*
  3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

Modul ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha untuk menangani ancaman buli siber di media sosial dan kesannya kepada remaja**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Masyarakat pada masa ini mempunyai kemudahan untuk mengakses teknologi komunikasi, antaranya termasuklah melalui e-mel, blog dan media sosial. Disebabkan perkembangan teknologi tersebut, isu yang sering muncul dalam kalangan pengguna, khususnya remaja ialah buli siber. Dalam hal ini, buli siber bermaksud suatu bentuk gangguan dalam dunia digital dan secara kebiasaannya melibatkan kata-kata yang tidak sopan secara berulang-ulang, intai siber dan hasutan maya. Oleh itu, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia menyarankan para pengguna agar mengamalkan kawalan sendiri ketika melayari media sosial.

Panduan kawalan sendiri boleh dipraktikkan dengan mengenali rakan media sosial yang menjadi kenalan anda. Sekiranya ada pemilik akaun yang tidak dikenali, usahlah diterima untuk mengelakkan masalah yang tidak diingini. Ada juga kenalan yang pada mulanya kelihatan baik tetapi mula menunjukkan cubaan-cubaan untuk membuli, jadi lebih baik diputuskan perhubungan dan menyekatnya daripada mengikuti sebarang bahan yang dimuat naik di laman sosial. Usaha ini sangat berkesan bagi mangsa yang diganggu keselamatannya malah dapat mengelakkan fitnah atau hasutan. Selain itu, bagi remaja yang telah menjadi mangsa, ambillah langkah drastik untuk melaporkan kepada ibu bapa kerana mereka lebih memahami masalah anak-anak.

Buli siber juga boleh menjadi semakin serius sehingga kes itu berlanjutan ke peringkat sekolah. Oleh hal yang demikian, remaja patut melaporkan kes buli siber kepada guru yang dipercayai atau meminta bantuan kaunselor. Secara tidak langsung, guru dan kaunselor boleh mengambil tindakan kepada pembuli yang dikenal pasti bersekolah di sekolah yang sama ataupun memberikan kaunseling kepada mangsa buli siber. Bagi remaja yang bijak menyelesaikan masalah ini secara sendiri, mereka boleh terus mengemukakan aduan kepada pihak pengurusan laman sosial. Aduan tersebut membolehkan pembuli diambil tindakan sebelum mengulangi perbuatan itu kepada orang lain pula.

Pendekatan proaktif amat penting untuk *menyelesaikan kemelut* buli siber dan remaja perlu menyimpan segala teks perbualan daripada pembuli yang berkemungkinan dapat dijadikan bahan bukti. Bukti tersebut dapat membela nasib mangsa buli sekiranya dibawa ke muka pengadilan. Di samping itu, pengguna media sosial yang terlibat boleh melaporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan Polis Diraja Malaysia sekiranya masalah ini membabitkan ancaman terhadap keselamatan seseorang. Namun demikian, pengguna media sosial harus melihat kembali punca buli siber ini berlaku, berkemungkinan disebabkan perasaan cemburu atau hasad dengki yang keterlaluan. Ada juga yang bertindak membuli untuk membalas dendam kerana kisah silam yang tidak boleh dilupakan. Tambahan pula, tekanan perasaan akibat masalah keluarga menyebabkan pembuli bertindak melepaskan geram kepada orang lain.

Dipetik dan diubah suai daripada “Ancaman Buli Siber di Media Sosial”,  
oleh Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Dewan  
Masyarakat, Bil. 6 2018

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *menyelesaikan kemelut*?

[2 markah]

- (ii) Pengarang mengatakan bahawa pengguna media sosial harus mengenal pasti punca berlakunya ancaman siber.  
Nyatakan punca-punca tersebut?

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, jelaskan hukuman yang boleh dikenakan kepada murid-murid yang terlibat dengan buli siber?

[4 markah]

**Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Setiap kali saya meluahkan hasrat untuk bermastautin di ibu kota, bonda memberikan pelbagai alasan agar saya terus menetap di kampung halaman tercinta ini. Kata bonda, ilmu agama saya masih terlalu cetek dan nipis. Bimbang, saya akan hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme yang sedang melanda anak-anak muda kota. Malahan, kata bonda lagi, bahasa ibunda saya juga masih lemah. Bahasa yang membesarkan saya dengan segala adat resam dan nilai budaya warisan turun-temurun. Bahasa yang diwarisi nenek moyang sejak zaman-berzaman.

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelut globalisasi dalam menuju arus perdana.

“Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Dipetik daripada cerpen ‘Munsi’, oleh Husna Nazri  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah alasan-alasan yang diberi oleh bonda supaya ‘saya’ terus menetap di kampung halaman?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah ilmu pengetahuan yang dipelajari oleh seseorang dapat mengawal pengaruh yang mengancam jati diri mereka?  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan tersebut dan **satu** nilai lain daripada keseluruhan cerpen.  
[4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebermula negeri Melaka pun sedikit alah olehnya. Akan sekarang baharulah patik beroleh *penjurit terlalu kepetangan*; inilah penjuritnya. Kertala Sari namanya, anak Petala Bumi yang dipesan oleh bapanya kepada patik.”

Setelah Seri Betara mendengar sembah Patih Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, “Hai Kertala Sari, dapatkah engkau kutitahkan membunuh Ratu Melaka dan hulubalang yang bernama Laksamana itu?”

Maka sembah Kertala Sari, “Daulat tuanku andika Betara, endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu, sedang negeri Daha patik alahkan?

Setelah Seri Betara mendengar cakap Kertala Sari itu, maka titah Seri Betara, “Segeralah engkau pergi ke Melaka itu. Kerajaan seperti cakapmu itu supaya engkau kujadikan penggawa agung.”

Maka sembah Kertala Sari, “Jikalau tuanku hendak menitahkan patik aji, baiklah segera patik suruh hantarkan ke Melaka dengan sebuah perahu supaya patik segera kerjakan seperti titah paduka Betara itu.”

Maka titah Seri Betara, “Hai Patih Gajah Mada, segeralah suruh hantar ke Melaka,” Maka Patih Gajah Mada pun berlengkap sebuah perahu dengan sepuluh orang sertanya yang pergi. Setelah sudah lengkap maka Kertala Sari pun belayarlah.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *penjurit terlalu kepetangan*. [2 markah]
- (ii) Apakah titah Seri Betara kepada Kertala Sari setelah diperkenalkan oleh Patih Gajah Mada? [3 markah]
- (iii) Perjalanan jauh memerlukan persediaan yang sempurna. Pada pendapat anda, apakah persediaan yang perlu dilakukan sebelum memulakan perjalanan yang jauh? [3 markah]

**Soalan 2(d) – Puisi Tradisional**

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Gurindam Dua Belas  
(Fasal yang Ketiga)**

Apabila terpelihara mata,  
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,  
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,  
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,  
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,  
Keluirlah fiil yang tiada senonoh.

Anggota tengah hendaklah diingat,  
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,  
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh (Penyelenggara)  
Puisi Melayu Tradisi, 1996 dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan puisi tersebut, nyatakan perkara-perkara yang perlu kita pelihara dalam kehidupan.

[2 markah]

- (ii) Pada pandangan anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan oleh seseorang bagi mendapatkan faedah yang dinyatakan oleh penyair dalam rangkap ketiga gurindam di atas.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam gurindam ini.

[4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

- (a) *Tulis **dua ayat** bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) semak
- (ii) perang
- (iii) rendang

[6 markah]

- (b) *Nyatakan pola ayat bagi ayat-ayat di bawah sama ada **Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)**, **Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)** atau **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)**.*

- (i) Majlis perkahwinan anak lelaki orang kaya itu amatlah meriah.
- (ii) Kedua-dua mangsa yang terlibat dalam kemalangan itu ialah Bakhtiar dan Baharom.
- (iii) Api yang marak itu sukar dipadamkan kerana angin bertiup kencang ketika itu.
- (iv) Blok asrama baharu untuk pelajar sekolah itu sedang dibina oleh kontraktor bertaualiah.
- (v) Penyanyi cilik yang memenangi pertandingan itu dari Sabah.
- (vi) Lelaki yang baru melaporkan diri di pejabat itu lulusan Universiti Sains Malaysia.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pihak kastam telah berjaya menumpaskan sendiket pemalsuan wang dengan tangkapan ketua mereka di lapangan terbang malam tadi.
- (ii) Pendidikan pra-sekolah diperkenalkan kepada kanak-kanak yang berusia 4 hingga 6 tahun bertujuan dedahkan mereka pada persekitaran sosial.
- (iii) Semangat nasionalisma semakin luntur dalam jiwa remaja kerana mereka dipengaruhi oleh budaya Barat.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Tukang cuci itu mencuci tandas yang kotor dan berbau hamis kerana pengguna tandas tersebut bukan bertanggungjawab.
- (ii) "Saya ingin beradu sekarang kerana hari sudah lewat malam," titah sultan pada pegawai istana baginda.
- (iii) Para budayawan mestilah menjana minda untuk sama-sama berfikir dan mencari jalan kerana mengatasi masalah pendidikan di negara kita.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.*

- (i) Cikgu selalu berpesan kepada saya agar sentiasa berwaspada dengan perkara di sekeliling sebelum ditimpa apa-apa kejadian yang tidak diingini.
- (ii) Nek Kiah sering menasihati cucu-cucunya supaya berjimat cermat dan menyimpan wang untuk digunakan pada masa hadapan namun mereka tidak menghiraukannya.
- (iii) Omar yang baru sahaja disahkan barah usus tahap empat, menerima pula berita bahawa isterinya terlibat dengan kemalangan maut.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Md Nizar Parman

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menimbulkan perasaan kagum dalam diri pembaca.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** nilai yang menggambarkan sikap bertanggungjawab daripada setiap novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**